

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[ PARIT ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Undang-Undang Bencana Negara bagi mengatasi musibah bencana seperti yang berlaku baru-baru ini.**

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 secara jelas menerangkan mengenai dasar dan mekanisme pengurusan bencana di peringkat Daerah, Negeri dan Pusat. Kerajaan juga secara serius dari semasa ke semasa berusaha untuk menambahbaik dan memantapkan aspek pengurusan bencana di setiap peringkat.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ini, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada penggubalan Akta Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana Negara. Akta ini mensasarkan kepada pengurusan yang lebih mantap dan menyeluruh selain berfungsi sebagai garis panduan kepada pelaksanaan pembangunan lestari ke arah pengurangan risiko bencana.

Sepertimana yang telah dimaklumkan YAB Timbalan Perdana Menteri semasa Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil. 2/2015 pada 27 Februari 2015 lalu, Kerajaan sedang menjalankan kajian perbandingan mengenai penubuhan satu Jabatan atau Agensi khusus yang akan mengendalikan urusan Pengurusan Bencana. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti beberapa model yang dipraktikkan di negara Jepun, Filipina, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Sekian. Terima kasih.